

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1600, Selasa, 21 Jun 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
SEMINAR MY LOCAL STATS (MLS) DAN
***SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS* (SDG) 2022**

Terengganu mencatatkan peningkatan bagi individu yang menggunakan internet kepada 95.5 peratus pada 2021 berbanding 84.2 peratus tahun 2020

KUALA TERENGGANU, 21 JUN 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan Seminar My Local Stats (MLS) dan *Sustainable Development Goals* (SDG) yang bertemakan “Statistik Peringkat Tempatan dan Pembangunan Mampan ke arah Kemakmuran Keluarga Malaysia” dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu. Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar hadir sama pada sesi ini. Seminar ini turut disertai oleh barisan EXCO Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu serta Setiausaha Kerajaan Negeri bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan Negeri Terengganu.

Sesi pembentangan pencapaian SDG dan statistik sosial turut disampaikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia pada awal sesi Seminar. Mengulas intipati kemajuan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Negeri Terengganu merekodkan pencapaian SDG yang baik bagi beberapa indikator mengikut lima bidang tumpuan. Bagi bidang tumpuan Kemajuan Masyarakat (*People*), kadar kematian disebabkan kemalangan jalan raya menurun daripada 20.2 (2019) kepada 16.5 (2020) bagi setiap 100,000 orang penduduk. Kadar pengangguran pada tahun 2021 bertambah baik kepada 4.0 berbanding 4.1 peratus pada tahun sebelumnya bagi bidang tumpuan Kemakmuran (*Prosperity*). Bagi bidang tumpuan Keamanan (*Peace*), bilangan CCTV meningkat kepada 172 (2020) daripada 157 (2019). Manakala, bidang tumpuan Kerjasama (*Partnership*) turut menunjukkan pencapaian yang baik iaitu peratusan individu yang menggunakan internet meningkat kepada 95.5 peratus (2021) berbanding 84.2 peratus (2020). Seterusnya, indikator bagi bidang Penjagaan Bumi (*Planet*) iaitu peratus penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat kekal tinggi iaitu 96.0 peratus bagi tahun 2018 dan 2019.”

Maklumat statistik berkaitan ekonomi, sosial dan matlamat pembangunan mampan dapat menjadi rujukan unggul dan inspirasi sebagai peneraju negara ke arah kemakmuran dan kesejahteraan keluarga Malaysia. Ia juga dapat dijadikan sebagai paksi kepada penggubal dasar negeri untuk merangka semua perancangan dan dasar bagi negeri dan daerah masing-masing.

Dalam sesi yang sama, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, “Buat julung kalinya, seminar My Local Stats dan SDG diadakan secara hibrid dengan kolaborasi Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kolaborasi ini mampu memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan statistik sosial dan SDG kepada semua lapisan masyarakat terutamanya pelajar IPT, akademik, Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pegawai Daerah. Ini adalah platform terbaik bagi membincangkan statistik sosio-ekonomi sehingga ke peringkat daerah dalam konteks SDG. Isu-isu serta cabaran dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar serta cadangan penyelesaian turut dibincangkan dalam Seminar ini. Selain itu, Seminar ini juga akan mengukuhkan

minat pelajar UMT khususnya dan IPT lain terhadap penggunaan statistik sosial dan SDG.”

Seramai 710 peserta iaitu 307 peserta hadir secara fizikal di Dewan Sultan Mizan, UMT, manakala 403 peserta hadir secara maya. Seminar ini terbahagi kepada dua sesi forum iaitu sesi forum SDG dan forum My Local Stats. Forum pertama bertajuk ‘Kebersamaan Keluarga Malaysia Ke Arah Kemampunan Negara’ yang dikendalikan oleh YBrs. Profesor Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali, Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik, UMT. Manakala, YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merupakan moderator sesi forum kedua bertajuk ‘Merealisasikan Itizam Pembangunan Inklusif Bertunjangkan Statistik’.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “DOSM dan UMT turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menghasilkan pengetahuan baru yang relevan melalui aktiviti kajian ilmiah. Kerjasama strategik ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi melalui perkongsian data dan maklumat perangkaan.”

DOSM sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1 2022](https://bit.ly/PocketStatsS12022).

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

21 JUN 2022

Embargo: Only can be published or disseminated at 1600 hour, Tuesday, 21 June 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MY LOCAL STATS (MLS) AND
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) SEMINAR 2022

Terengganu recorded an increase in individuals using the internet to 95.5 percent in 2021 as compared to 84.2 percent in 2020

KUALA TERENGGANU, 21 JUNE 2022 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) held a seminar on My Local Stats (MLS) dan Sustainable Development Goals (SDG) with the theme of “Local Level and Sustainable Development Statistics Towards a Prosperous Keluarga Malaysia” that collaborated with Universiti Malaysia Terengganu (UMT). The seminar was launched by Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Terengganu Menteri Besar. Together at the seminar were the Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin and Vice-Chancellor of Universiti Malaysia Terengganu (UMT), YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar. This seminar was also attended by the EXCOs of Terengganu State Government, Members of Parliament and Terengganu State Assemblymen as well as the State Secretary together with senior government officers of Terengganu.

Chief Statistician of Malaysia has presented the achievements of SDG and social statistics at the beginning of the Seminar session. Commenting on the essence of the progress of the Sustainable Development Goals, Chief Statistician of Malaysia said, “State of Terengganu has achieved good performance for selected SDG indicators in five focus areas. For People focus area, the death rate due to road accidents decreased from

20.2 (2019) to 16.5 (2020) per 100,000 populations. Unemployment rate in 2021 improved to 4.0 percent as compared to 4.1 in previous year for Prosperity focus area. Peace focus area showed the number of CCTV has increased to 172 (2020) as compared to 157 in 2019. Meanwhile Partnership focus area also showed a good achievement which is the percentage of individuals who use the internet increased to 95.5 percent (2021) as compared to 84.2 percent (2020). Furthermore, the indicator for the Planet focus area that is the percentage of the population who use safely managed drinking water services remains high at 96.0 percent for 2018 and 2019.”

Statistical information related to economic, social and sustainable development goals can be an excellent reference and inspiration as a national pillar towards the prosperity and well-being of Keluarga Malaysia. It can also be applied as an axis for state policy makers to formulate all plans and policies for their respective states and districts.

On the same session, the Chief Statistician of Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, “For the first time, the seminar on My Local Stats and SDG was conducted in hybrid mode in collaboration with the Institution of Higher Education (IHE). This collaboration will give a significant impact in increasing the understanding and appreciation of social statistics and SDGs to all levels of society, especially students of IPT, academia, State Government, State Economic Planning Unit (UPEN), Local Authorities (PBT) and District Officers. This is the best platform for discussing socio-economic statistics up to the district level in the context of the SDGs. Issues and challenges from social, economic and environmental aspects as well as proposed solutions are also discussed in this Seminar. In addition, this seminar will also strengthen the interest of UMT students and other IPTs students on the use of social statistics and SDG.”

A total of 710 people participated in the seminar, whereby 307 of them attended physically at Dewan Sultan Mizan, UMT and 403 people involved virtually. This seminar is divided into two forum sessions namely SDG forum and My Local Stats forum. The first forum entitled ‘Unity of Keluarga Malaysia Towards National Sustainability’ lead by YBr. Profesor Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali, Dean, Faculty of Ocean Engineering Technology and Informatics, UMT. Meanwhile, YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd

Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia was the moderator for the second forum entitled 'Realizing the Commitment to Inclusive Development Based on Statistics'.

According to the Chief Statistician Malaysia, "DOSM and UMT also have signed Memorandum of Understanding (MoU) to create new relevant knowledge through scientific research activities. This strategic collaboration will benefit both organizations through the sharing of data and statistical information."

DOSM is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1 2022](https://bit.ly/PocketStatsQ12022).

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
21 JUNE 2022**